



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**21 OKTOBER 2022 (JUMAAT)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**21 OKTOBER 2022 (JUMAAT)**

## Skim harga maksimum perayaan Deepavali bermula

**Kuala Berang:** Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), melancarkan Skim Harga Maksimum Perayaan (SHMMP) bagi perayaan Deepavali, bermula semalam hingga 26 Oktober ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata tempoh pelaksanaan adalah selama tujuh hari dan berkuat kuasa pada empat hari sebelum perayaan, satu hari semasa perayaan dan dua hari selepas perayaan.

Katanya, lapan jenis barang harga terkawal berserta harga maksimumnya akan diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022.

Katanya, senarai barang itu ialah daging kambing biri-biri import bertulang, tomato, cili merah, kelapa biji (harga maksimum pada peringkat borong sahaja), kelapa parut (harga maksimum pada peringkat runcit sahaja).

"Selain itu, bawang merah kecil (India), bawang merah besar import, kacang dal (Australia)," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di sini, semalam.

Rosol berkata, pada masa sama, ayam dan telur ayam disambung pewartaannya sebagai barang harga terkawal dan sedang berkuat kuasa mulai 12 Oktober 2022.

Katanya, antara jenis barang harga terkawal bagi pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur iaitu ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya), ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal).

Telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji), telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji), telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji).

Rosol berkata, tempoh pelaksanaan itu adalah bersesuaian mengikut keadaan semasa pada masa kini, iaitu mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan peniaga.

"Pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan dan peniaga berpuas hati dengan tempoh pelaksanaan yang efektif."

"Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Deepavali 2022 akan dikuatkuasakan menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencautan 2011 yang membolehkan penentuan harga dibuat ke atas peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit."

"Pegawai penguat kuasa KPDNHEP sudah ditugaskan di lokasi strategik," katanya.

## Skim kawalan harga Deepavali libatkan 14 barang

**HULU TERENGGANU** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali selama seminggu sehingga Rabu depan.

Timbalan Menterinya, Datuk

Rosol Wahid berkata, SHMMP Deepavali melibatkan 14 barang termasuk lapan item baharu yang sering digunakan pada perayaan tersebut.

"Harga siling runcit bagi daging kambing biri-biri import bertulang pada harga RM37 sekelogram (kg), tomato (RM6/kg), cili

merah (RM19/kg) dan kelapa parut (RM7.60/kg).

"Bawang merah India ditetapkan pada harga maksimum RM7 sekelogram, bawang besar (RM4/kg) dan kacang dhal Australia (RMS/kg)," katanya.

Rosol berkata, harga siling kelapa parut bagi pemborong pada

harga RM1.90 sebiji manakala ayam super dan ayam standard masing-masing kekal tidak melebihi RM9.40 dan RM10.40 sekelogram.

"Telur ayam gred A, B dan C pula masing-masing 45 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji. Harga maksimum ayam hidup di peringkat

pemborong pula ditetapkan pada RM6.40 sekelogram," jelasnya.

Sementara itu, Rosol berkata, bekalan barang keperluan tersebut dijamin masih mencukupi walaupun berlaku sedikit kekurangan melibatkan ayam dan telur ayam di beberapa tempat di negara ini.

# Lapan barang harga terkawal

SHMMP bagi perayaan Deepavali dilancar hingga 26 Oktober

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

## Kuala Berang

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi perayaan Deepavali 2022 bermula 20 hingga 26 Oktober ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, lapan jenis barang harga terkawal serta harga maksimumnya diwartakan bagi perlaksanaan skim berkenaan.

"Senarai itu antaranya membatik daging kambing biri-biri import bertulang, tomato, cili merah, kelapa biji (harga maksimum di peringkat borong sahaja) dan kelapa parut (harga maksimum di peringkat runcit sahaja).

"Ia juga membabitkan bawang merah kecil (India), bawang merah besar import serta kacang dal (Australia)," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di Pasaraya Xiri Kuala Berang di sini, semalam.

Katanya, pada masa sama, ayam dan telur disambung pewartaan sebagai barang harga terkawal dan berkuat kuasa sejak 12 Oktober.

Beliau berkata, antara jenis barang harga terkawal bagi pelak-



ORANG ramai berbelanja barang keperluan harian di sebuah pasar raya di Kuala Berang. SHMMP Deepavali 2022 akan berkuatkuasa sehingga 26 Oktober depan.

samaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur ialah ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan serta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya) serta ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal).

Ia juga membabitkan telur ayam gred A (berat antara 65 gram hingga 69.9 gram sebiji), telur ayam gred B (berat antara 60 gram hingga 64.9 gram sebiji) dan telur ayam gred C (berat antara 55 gram hingga 59.9 gram sebiji). Rosol berkata, penguat kuasa KPDNHEP ditugaskan di lokasi strategik seperti di pusat beli-belah barang keperluan perayaan untuk memantau penjualannya.

Pengguna boleh menyalurkan aduan kepada pihaknya berkaitan peniaga yang tidak mematuhi skim itu melalui aplikasi WhatsApp 019-279 4317/019-8488000 atau e-aduan@kpdnhep.gov.my.

# Belian panik antara punca bekalan terjejas

**Kuala Berang:** Kerajaan memberi jaminan bekalan telur ayam mencukupi dan pengguna diminta tidak membuat pembelian panik bagi mengelak gangguan terhadap rantai bekalan di setiap kawasan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata jaminan itu diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam mesyuarat yang diadakan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), baru-baru ini.

Katanya, berdasarkan aduan, kekurangan bekalan termasuk ayam dan telur ketika ini berlaku di negeri Pantai Timur.

"MAFI memaklumkan jangan risau. Ada sedikit pembelian panik menyebabkan bekalan terganggu dan apa yang kita harap jaminan yang diberikan oleh MAFI akan dapat direalisasikan sama ada dalam tempoh kawalan skim perayaan ini ataupun selepas tempoh kawalan.

"Seperti yang saya sebut tadi, ada pembelian panik. Jadi, apabila berlaku pembelian panik, ia akan mengganggu rantaian bekalan.

"Jadi caranya hadkan pembelian, terutama telur. Kita harap ini akan sedikit sebanyak dapat diagihkan sama banyak kepada pengguna," katanya pada sidang



Rosol (dua dari kanan) meninjau bekalan telur ayam selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di Kuala Berang, semalam.

(Foto Ghazali Kori/BH)

media selepas Majlis Pelancaran SHMMP Deepavali 2022 di sini, semalam.

## Kekurangan harga terlalu lama

Rosol berkata, ada pengusaha membuat kuih di daerah ini yang mana sudah dua minggu tidak membuat kuih kerana kekurangan telur, sekali gus menjelaskan pendapatan mereka.

Katanya, masalah kekurangan

telur dan ayam di Pantai Timur dipercayai berpunca daripada kawalan harga maksimum yang terlalu lama oleh kerajaan dan sumber bekalan diperoleh dari Pantai Barat.

Sehubungan itu, beliau berharap Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dapat bermesyuarat segera untuk membincangkan jalan penyelesaian bagi menangani isu yang membebani rakyat itu.

"Maklumat ini kita terima daripada industri yang mendakwa kerajaan mengawal harga terlalu lama. Ia menyebabkan industri terkesan, sekali gus menyebabkan kemasukan bekalan ayam dan telur bermasalah.

"Kesannya paling ketara di Pantai Timur kerana sumber bekalan makanan protein ini datang dari Pantai Barat seperti Melaka, Johor dan Perak," katanya.

Bekalan cepat habis ekoran pembelian panik

## Peniaga disaran had penjualan telur

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**HULU TERENGGANU** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggalakkan peniaga agar mengehadkan penjualan telur ayam kepada pelanggan buat sementara waktu bagi mengatasi isu kekurangan bekalan pada waktu ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu bagi menstabilkan semula bekalan barang keperluan berkenaan yang sedikit terjejas disebabkan pembelian panik.

Menurutnya, kementeriannya menerima aduan pengguna tentang kekurangan bekalan telur ayam terutama di Pantai Timur sejak dua minggu lalu.

"Begitupun, maklum balas Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberitahu pengeluaran telur ayam di peringkat pengeluar tempatan sebenarnya masih mencukupi.

"Sedikit gangguan bekalan di beberapa tempat pada masa ini lebih disebabkan pembelian pa-



KERATAN Kosmo! semalam.

nik pengguna," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan sebuah kedai pemborong telur di Chukai, Kemaman diserbu pelanggan sehingga bekalan 93,000 biji telur ayam habis dijual dalam tempoh tidak sampai tiga jam.

Ramai pelanggan dari seluruh Terengganu dan Kuantan, Pahang sanggup beratur seawal apukul 7 pagi bagi membeli telur ayam yang dihadkan antara dua hingga lima papan setiap orang.

Rosol berkata, langkah mengehadkan penjualan telur ayam boleh menstabilkan semula rang-

kalan bekalan di kawasan terkejar dan pendekatan sama juga adil bagi memastikan agihan saksama dan lebih meluas dalam kalangan pengguna.

"Pada masa sama, saya berharap Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dapat kembali bersidang segera bagi mengatasi masalah ini," katanya.

Rosol berkata, penyelesaian jangka panjang perlu dilakukan segera demi kebijakan pengguna selain tidak dimanipulasi pembangkang untuk modal politik pada Pilihan Raya Umum Ke-15.



ROSOL (dua dari kanan) meninjau harga dan bekalan telur ayam pada Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali di Kuala Berang, Hulu Terengganu semalam.

# Bekalan telur ayam mencukupi

Tiada kegiatan sorok berlaku, KPDNHEP terus lakukan pemantauan

NILAI

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan telur ayam di seluruh negara mencukupi meskipun beberapa kawasan ketika ini mengalami kekurangan kuantiti makanan tersebut.

Menurut Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Azman Mohd Yusof, pihaknya sentiasa memantau bekalan telur ayam di pasaran selain turut bekerjasama dengan beberapa kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berhubung perkara itu.

Beliau berkata hasil pemantauan pihaknya turut mendapati tiada aduan diterima berhubung kes sorok bekalan telur ayam oleh mana-mana pihak khususnya peniaga setakat ini dan tindakan undang-undang akan dikenakan sekiranya wujud kegiatan terbabit.

"Saya ke beberapa negeri termasuk Melaka, Johor, Terengganu dan Langkawi. Memang ada sedikit isu tentang kuantiti tidak mencukupi tetapi bekalan ada."

"Ada yang saya lihat jualan sebelah pagi dah selesai, petang isi semula, ini menunjukkan kita masih ada bekalan yang baik."

"Malah, saya turut berhubung dengan Ketua Setiausaha MAFI dan pegawai kita

“

Saya ke beberapa negeri termasuk Melaka, Johor, Terengganu dan Langkawi. Memang ada sedikit isu tentang kuantiti tidak mencukupi tetapi bekalan ada."

- Azman

pada Khamis ada perbincangan teknikal dengan beberapa kementerian bagi memastikan bekalan telur ayam cukup untuk pasaran pengguna. Jadi, krisis secara menyeluruh dengan hampir semua bekalan terputus tidak berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau bekalan barang makanan di sebuah pasar raya sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Deepavali, di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, Azman berkata faktor kekurangan kuantiti bekalan telur ayam di kawasan tertentu kemungkinan berikutan masalah pembayaran, pengangkutan, logistik dan lokasi yang jauh menyebabkan penghantaran bekalan sedikit terganggu.

Beliau turut berharap mana-mana pemain industri bekerjasama dengan kerajaan dalam memastikan bekalan makanan khususnya barang basah mencukupi di pasaran dengan harga berpatutan terutama menjelang Deepavali. - Bernama



Azman (kanan) meninjau bekalan dan harga telur ayam pada program SHMMP sempena Deepavali, di sebuah pasar raya di Nilai pada Khamis.

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 21/10/2022  
M/SURAT : 13

## Ministry assures sufficient supply of food for Deepavali

**KUALA BERANG:** The supply of food and other essential items for the Deepavali celebration is generally sufficient, says Datuk Rosol Wahid.

The Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister said the goods included chicken and eggs, which are said to be experiencing a supply issue, especially in the east coast states.

He said the assurance was given to him by the Agriculture and Food Industries Ministry (MAFI) during a meeting between the two ministries recently.

"We did receive complaints about

the shortage of eggs and chicken in Terengganu and Kelantan.

"As such, we are hoping that MAFI can make good on their assurance for the sake of the people," Rosol said after launching the Deepavali Festival Maximum Price Scheme here yesterday, Bernama reported.

He added that the shortage of eggs and chicken in the east coast was believed to be due to prolonged enforcement of maximum price control by the government and supply sources coming from the west coast.

Following that, he hoped that the

Special Task Force on Jihad Against Inflation could immediately meet to discuss a solution for the problem.

"We have received information from the industry claiming that the government was controlling the price for too long.

"It caused the industry to be affected, thus causing issues in the supply of chicken and eggs," he said.

Meanwhile, 14 items including live and standard chicken, super chicken, grade A chicken eggs, grade B chicken eggs, grade C chicken eggs and bone-in imported mutton have been listed under con-

trolled items for the Deepavali celebration, effective Oct 20 to 26.

"Other items that are also listed are tomatoes, red chillies, coconut, grated coconut, shallots, imported large onions and lentils," he added.

In Nilai, Negri Sembilan, the ministry's secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof said that so far, no complaints had been received on hoarding of chicken eggs by any parties, especially traders. He warned that legal action would be taken against those found involved in such activities.

"I have also been in touch with the MAFI secretary-general and our

officers are having technical discussions with several ministries today to ensure that there is an adequate supply of eggs in the consumer market," Bernama quoted him.

He was speaking to reporters after inspecting the supply of food items at a supermarket in conjunction with the Deepavali Festival Maximum Price Scheme, effective Oct 20 to 26.

Azman said the lack of supply for chicken eggs in a particular area was probably due to problems with payment, remote location, transport and logistics, which would easily disrupt delivery.

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 21/10/2022  
M/SURAT : 6

**PROBLEMS ONLY IN CERTAIN AREAS**

## Ministry says chicken egg supply sufficient nationwide

**NILAI:** The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has given its assurance that despite shortages in several areas as reported, there is sufficient supply of chicken eggs nationwide.

Its secretary-general, Datuk Azman Mohd Yusof, said the ministry was continuously monitoring the supply of chicken eggs in the market and working with several ministries, including the Agriculture and Food Industries Ministry.

He added that no complaints

had been received on hoarding of chicken eggs by any party, especially traders, and legal action would be taken against those who are involved in such activities.

"I have also been in touch with the Agriculture and Food Industries Ministry secretary-general and our officers are having technical discussions with several ministries today (yesterday) to ensure that there is an adequate supply of eggs in the consumer market."

He was speaking to reporters

after inspecting the supply of food items at a supermarket in conjunction with the Deepavali Festival Maximum Price Scheme, effective Oct 20 to Oct 26.

Azman said the lack of supply for chicken eggs in a particular area was probably due to problems with payment, remote location, transport and logistics, which easily disrupts delivery.

He also hoped that industry players would cooperate with the government to ensure an adequate supply of food in the mar-

ket at reasonable prices, especially ahead of Deepavali.

On a separate matter, Azman said 708,230 business premises were inspected nationwide and action was taken against 9,421 for various offences, with items worth RM93.86 million seized from January to September this year.

He said the ministry also disposed of various confiscated items worth RM 24.61 million during the same period. **Bernama**



Datuk Azman Mohd Yusof



**ANGGOTA** penguat kuasa KPDNHEP merampas tong berisi diesel yang disumbat dalam sebuah kereta di Kampung Bunut Susu, Pasir Mas kelmarin. - IHSAN KPDNHEP KELANTAN

## Tinggal kereta sarat bawa 30 tong diesel

**PASIR MAS** – Seorang penyecludup meninggalkan kereta Proton Wira dipandunya termasuk 30 tong berisi 750 liter minyak diesel selepas ditahan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri di Kampung Teliar, Bunut Susu, di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 4.20 petang, KPDNHEP menjalankan risikan selepas menerima maklumat kegiatan penyeludupan minyak diesel menggunakan sebuah kereta.

Pengarah KPDNHEP Kelantan, Azman Ismail berkata, ang-

gota bertugas mengekori kereta dipandu suspek dalam keadaan mencurigakan dari arah Tendong ke Bunut Susu, di sini.

"Menyedari diekori, suspek memecut laju kereta tersebut sehingga ke Kampung Teliar sebelum dua tayar keretanya mengalami kerosakan.

"Suspek dilihat turun dari kereta dan melarikan diri berhampiran tali air sebelum masuk ke kawasan semak. Pemeriksaan lanjut di dalam kereta menemui 30 tong plastik mengandungi 750 liter diesel bernilai RM1,612.50," katanya dalam kenyataan semalam.

# Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

HARI : JUMAAT  
TARIKH : 21/10/2022  
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

Ayam	RM7.49
Daging Lembu Tempatan	RM36
Daging Lembu Import	RM32

Telur Gred A	RM13.05
Ikan Kembung	RM13
Minyak Masak	RM7.06

Gula Pasir	RM2.80
Bawang Besar Holland	RM2.89
Bawang Putih *	RM3.99

Cili Merah	RM10
Kubis Tempatan	RM2.50
Tepung Gandum	RM3.30

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

## Sufficient food items for Deepavali: Minister

**KUALA BERANG:** The supply of food and other essential items for the Deepavali celebration is sufficient, said Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs caretaker Minister Datuk Rosol Wahid.

He said the assurance was given to him by the Agriculture and Food Industries Ministry during a meeting between the two ministries recently.

He added that the items include chicken and

eggs, that are said to be experiencing a supply issue, especially in east coast states.

"We received complaints about the shortage of eggs and chicken in Terengganu and Kelantan. As such, we are hoping that the Agriculture and Food Industries Ministry can make good on their assurance for the sake of the people," he said after launching the "Deepavali Festival Maximum Price Scheme" yesterday.

Rosol said the supply shortage of eggs and

chicken in the east coast is believed to be due to prolonged enforcement of maximum price controls by the government and supply sources coming from the west coast.

He expressed hope that the Special Task Force on Jihad Against Inflation can immediately discuss a solution to the problem.

"We have received information from the industry claiming that the government was controlling the price for too long. It affected the

industry, causing issues in the supply of chicken and eggs."

Meanwhile, 14 items including live and standard chicken and super chicken, Grade A, B and C chicken eggs, and bone-in imported mutton have been listed as controlled items for the Deepavali period between Oct 20 and 26.

"Other items that are also listed are tomatoes, red chilies, coconut, grated coconut, shallots, imported large onions and lentils." - Bernama

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 OKTOBER 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Oct	9,421 tindakan kes telah diambil KPDNHEP	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/9421-tindakan-kes-telah-diambil-kpdnhep/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/9421-tindakan-kes-telah-diambil-kpdnhep/</a>	UM
21-Oct	KPDNHEP lulus barang rampasan lebih RM24 juta	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894488/kpdnhep-lulus-barang-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894488/kpdnhep-lulus-barang-</a>	HM
21-Oct	KPDNHEP lancar skim kawalan harga sempena Deepavali	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014536/kpdnhep-lancar-skim-kawalan-harga-sempena-deepavali">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014536/kpdnhep-lancar-skim-kawalan-harga-sempena-deepavali</a>	BH
21-Oct	Sufficient supply of food items for Deepavali: KPDNHEP	<a href="https://www.thesundaily.my/local/sufficient-supply-of-food-items-for-deepavali-kpdnhep-HA10013567">https://www.thesundaily.my/local/sufficient-supply-of-food-items-for-deepavali-kpdnhep-HA10013567</a>	THESUNDAILY
21-Oct	Bekalan makanan cukup sempena Deepavali: Rosol	<a href="https://www.thesundaily.my/home/bekalan-makanan-cukup-sempena-deepavali-rosol-LA10012768">https://www.thesundaily.my/home/bekalan-makanan-cukup-sempena-deepavali-rosol-LA10012768</a>	THESUNDAILY
21-Oct	Bekalan makanan cukup sempena Deepavali, kata Rosol	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/407176">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/407176</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
21-Oct	Skim Harga Maksimum Deepavali bermula hari ini	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/10/20/shmmp-deepavali-bermula-hari-ini/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=shmmp-deepavali-bermula-hari-ini">https://www.kosmo.com.my/2022/10/20/shmmp-deepavali-bermula-hari-ini/?utm_source=rss&amp;utm_medium=rss&amp;utm_campaign=shmmp-deepavali-bermula-hari-ini</a>	KOSMO
21-Oct	Food supply sufficient for Deepavali, says Domestic Trade Ministry	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/20/food-supply-sufficient-for-deepavali-says-domestic-trade-ministry">https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/20/food-supply-sufficient-for-deepavali-says-domestic-trade-ministry</a>	THESTAR

21-Oct	BEKALAN MAKANAN CUKUP SEMPENA DEEPAVALI	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2130724">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2130724</a>	BERNAMA
21-Oct	Rakan KPDNHEP   Hanya 10 peratus pengguna berdaftar yang aktif	<a href="https://youtu.be/I2LbMQhRUK8">https://youtu.be/I2LbMQhRUK8</a>	ASTROAWANI
21-Oct	KPDNHEP lancar Skim Harga Maksimum Perayaan Deepavali	<a href="https://youtu.be/1gwPM4R5YOg">https://youtu.be/1gwPM4R5YOg</a>	
21-Oct	Terpaksa ke luar daerah cari bekalan telur - Peniaga	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894454/permintaan-telur-ayam-tinggi-di-pulau-pinang">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894454/permintaan-telur-ayam-tinggi-di-pulau-pinang</a>	HM
21-Oct	Permintaan telur ayam tinggi di Pulau Pinang	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894475/terpaksa-ke-luar-daerah-cari-bekalan-telur-peniaga">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894475/terpaksa-ke-luar-daerah-cari-bekalan-telur-peniaga</a>	HM
21-Oct	KPDNHEP   Tiada Gangguan Bekalan Minyak Masak Paket 1kg Di Pulau Pinang	<a href="https://youtu.be/0AHyC0-EJgY">https://youtu.be/0AHyC0-EJgY</a>	BULETINTV3
21-Oct	Buy only what you need, consumers urged	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/20/buy-only-what-you-need-consumers-urged">https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/10/20/buy-only-what-you-need-consumers-urged</a>	THESTAR
21-Oct	Penyeludup lari tinggal kereta sarat bawa 30 tong diesel	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/10/20/penyeludup-lari-tinggal-kereta-sarat-bawa-30-tong-diesel/">https://www.kosmo.com.my/2022/10/20/penyeludup-lari-tinggal-kereta-sarat-bawa-30-tong-diesel/</a>	KOSMO
21-Oct	KPDNHEP assures sufficient chicken eggs nationwide	<a href="https://themalaysianreserve.com/2022/10/20/kpdnhep-assures-sufficient-chicken-eggs-nationwide/">https://themalaysianreserve.com/2022/10/20/kpdnhep-assures-sufficient-chicken-eggs-nationwide/</a>	THEMALAYSIANRESERVE
21-Oct	Pembelian panik antara punca bekalan tidak cukup	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014691/pembelian-panik-antara-punca-bekalan-tidak-cukup">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014691/pembelian-panik-antara-punca-bekalan-tidak-cukup</a>	BH

21-Oct	Bekalan makanan cukup sempena deepavali	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-makanan-cukup-sempena-deepavali-rosol-386920%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/bekalan-makanan-cukup-sempena-deepavali-rosol-386920%3famp=1</a>	ASTROAWANI
21-Oct	Bekalan telur ayam: KPDNHEP jamin mencukupi, tiada kegiatan sorok	<a href="https://www.melakahariini.my/bekalan-telur-ayam-kpdnhep-jamin-mencukupi-tiada-kegiatan-sorok/">https://www.melakahariini.my/bekalan-telur-ayam-kpdnhep-jamin-mencukupi-tiada-kegiatan-sorok/</a>	MELAKAHARINI
21-Oct	KPDNHEP S'wak to monitor traders for maximum price control compliance for Deepavali	<a href="https://www.theborneopost.com/2022/10/20/kpdnhep-swak-to-monitor-traders-for-maximum-price-control-compliance-for-deepavali/">https://www.theborneopost.com/2022/10/20/kpdnhep-swak-to-monitor-traders-for-maximum-price-control-compliance-for-deepavali/</a>	THEBORNEOPOST
21-Oct	Bekalan telur ayam: KPDNHEP jamin mencukupi, tiada kegiatan sorok	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130824">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2130824</a>	BERNAMA
21-Oct	KPDNHEP Sarawak pantau pelaksanaan SHMMP Deepavali 2022	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/20/kpdnhep-sarawak-pantau-pelaksanaan-shmmp-deepavali-2022">https://www.utusanborneo.com.my/2022/10/20/kpdnhep-sarawak-pantau-pelaksanaan-shmmp-deepavali-2022</a>	UTUSANBORNEO
21-Oct	KPDNHEP Sarawak conducts walk-about at mydin hypermarket vista tunku in conjunction with Deepavali 2022 maximum price scheme	<a href="https://dayakdaily.com/kpdnhep-sarawak-conducts-walkabout-at-mydin-hypermarket-vista-tunku-in-conjunction-with-deepavali-2022-maximum-price-scheme/">https://dayakdaily.com/kpdnhep-sarawak-conducts-walkabout-at-mydin-hypermarket-vista-tunku-in-conjunction-with-deepavali-2022-maximum-price-scheme/</a>	DAYAKDAILY
21-Oct	KPDNHEP assures sufficient chicken eggs nationwide	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/10/842271/kpdnhep-assures-sufficient-chicken-eggs-nationwide">https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2022/10/842271/kpdnhep-assures-sufficient-chicken-eggs-nationwide</a>	NST
21-Oct	KPDNHEP Jamin Bekalan Telur Ayam Cukup	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdnhep-jamin-bekalan-telur-ayam-cukup/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdnhep-jamin-bekalan-telur-ayam-cukup/</a>	BULETINTV3

21-Oct	Kementerian jamin bekalan telur ayam cukup, tiada kegiatan sorok	<a href="https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/407213">https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/407213</a>	THEMALAYSIANINSIGHT
21-Oct	KPDNHEP assures sufficient chicken eggs nationwide	<a href="https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2130820">https://www.bernama.com/v2/en/general/news.php?id=2130820</a>	BERNAMA
21-Oct	Pembelian panik antara punca bekalan tidak cukup	<a href="https://berita bersatu.org/2022/10/20/pembelian-panik-antara-punca-bekalan-tidak-cukup/">https://berita bersatu.org/2022/10/20/pembelian-panik-antara-punca-bekalan-tidak-cukup/</a>	BERITABERSATU
21-Oct	Pengarah, syarikat didenda miliki diesel tanpa kebenaran	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894604/pengarah-syarikat-didenda-miliki-diesel-tanpa-kebenaran">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/10/894604/pengarah-syarikat-didenda-miliki-diesel-tanpa-kebenaran</a>	HM
21-Oct	Pengarah, syarikat didenda RM350,000, miliki 21,035 liter diesel tanpa kebenaran	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014782/pengarah-syarikat-didenda-rm350000-miliki-21035-liter-diesel-tanpa">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/10/1014782/pengarah-syarikat-didenda-rm350000-miliki-21035-liter-diesel-tanpa</a>	BH
21-Oct	Didenda RM350,000 miliki minyak diesel tanpa kebenaran	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226922">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226922</a>	SH
21-Oct	Usaha beri kesedaran pentingnya miliki sijil halal Jakim	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226855">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/226855</a>	SH